



Z-ProMiles Takaful

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate the Z-ProMiles Takaful. Be sure to also read the master certificate wording terms and conditions.)

1. What is this product about?

This product provides compensation in the event of bodily injuries, disablement or death caused solely and directly by a sudden, unforeseen and fortuitous event that happens unexpectedly, for eligible Persons Covered while using PLUS Expressways.

2. What are the applicable Shariah concepts?

- **Takaful:** An arrangement based on mutual assistance under which takaful participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.
- **Wakalah:** Agency contract where the participant appoints the takaful operator to manage Takaful contributions by charging an agreed Wakalah Fee for their services.
- **Tabarru':** It is a contribution from the participants to the General Risk Investment Account (GRIA) which the participants agree to relinquish all or a portion of their contribution to pay the takaful benefits.
- **Hibah:** A gift. In Takaful, contract of Hibah is also applicable in other transactions such as in surplus sharing, whereas Takaful benefit shall be given to the nominated recipient based on Conditional Hibah.
- **Ju'alah:** It is a commission (reward) for good performance in managing the General Risk Investment Account (GRIA) where the takaful operator shall be entitled to an incentive equal to 50% of any surplus sharing from the General Risk Investment Account (GRIA) after the end of each financial year.
- **Qard:** An interest free loan which provided by the takaful operator in the event of deficit in the General Risk Investment Account (GRIA).

3. What are the covers/ benefits provided?

This product covers:

Benefit	Benefit Description	Weekly Plan (RM)	Monthly Plan (RM)
A	Accidental Death and Permanent Disablement	20,000	30,000
B	Accidental Hospital Income (maximum up to 30 days)	50 per day	50 per day
C	Inconvenience Benefit	100	100
D	Hotel Accommodation Allowance	300	300
E	Car Replacement Allowance (maximum up to 5 days)	100 per day	100 per day
Period of Coverage		7 days	1 month

Notes:

- Please refer to the master certificate wording for full benefits, terms and conditions under this product.
- Duration of cover is as above. You need to renew your takaful cover upon expiry.
- Only one (1) Inconvenience Benefit claim is allowed throughout the Period of Coverage.
- In respect to the same covered event during the journey, you can only claim from either Benefit D or E, but not both.

4. How much contribution do I have to make?

The total contribution that you have to make varies depending on the plan you have selected as follows:

Plan	Weekly Plan (RM)	Monthly Plan (RM)
Contribution	2.50 per week	9.20 per month

Note: The above contributions are exclusive of 6% Service Tax.

5. What are the fees and charges that I have to make?

Type	Amount
<ul style="list-style-type: none"> • Wakalah Fees • Stamp duty • *Tax 	43.5% of contribution of which: <ul style="list-style-type: none"> • Commission – 25% of contribution • Management Expenses – 18.5% of contribution • RM10.00 on master certificate • 6% of contribution

* All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure** - You must disclose all material facts such as your personal pursuits which would affect the risk profile and number of personal accident certificates that you have participated from other takaful operators.
- **Consumer Takaful Contract** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this takaful). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of takaful is entered into, varied or renewed with us. In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this takaful), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this takaful) is inaccurate or has changed.
- **Non-Consumer Takaful Contract** - Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable

person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of takaful. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of takaful is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this takaful) is inaccurate or has changed.

- **Cash Before Cover** – It is fundamental and absolute special condition of this contract of takaful that the contribution due for the Certificate of Takaful must be made and received by us before the takaful cover is effective.
- **Claim Procedure** - You must give written notice to us within fourteen (14) days after the occurrence of the incident, except for Benefit C, which should be within five (5) days after the occurrence of the incident.
- **Eligibility:**
 - Person Covered must be a Malaysian or foreigner who has a valid work permit, student permit, entry permit, permanent resident status or MM2H status.
 - You must register with an individual Touch 'n Go card and/or e-Wallet or Radio-frequency Identification (RFID) tag number during the enrolment of this takaful.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the master certificate wording for full list of terms and conditions under this product.

7. What are the major exclusions under this product?

This product does not cover claims caused by the following events:

- War, Civil War
- Pre-existing condition
- Suicide while sane or insane
- Provoked Murder or Assault
- Any kind of racing other than on foot
- Radiation, Nuclear
- Riding/driving without a valid license

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the master certificate wording for full list of exclusions under this product.

8. Can I cancel my certificate?

Cancellation is not allowed once your Certificate of Takaful is issued.

9. What do I need to do if there are changes to my contact/ personal details?

It is important that you inform us of any change in your contact detail/life profile including nomination and personal pursuits which would affect your risk profile. You can write to us at the address below or email us at: callcentre@zurich.com.my.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about the product, please refer to the takaful info booklet that are available at all our branches or you can obtain a copy from the agent.

If you have any enquiries, please contact us at:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3,

No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,

59200 Kuala Lumpur,

Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888

Call Centre: 1-300-888-622

Email: callcentre@zurich.com.my

11. Other types of Personal Accident Takaful cover available:

Please ask your agent/ intermediary for other similar type of products offered by us.

IMPORTANT NOTE

YOU ARE ADVISED TO TAKE NOTE OF THE SCALE OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR TAKAFUL MASTER CERTIFICATE. YOU MAY NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THIS PERSONAL ACCIDENT MASTER CERTIFICATE THAT YOU HAVE PARTICIPATED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL MASTER CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 24 Aug 2022 until a revision is issued.

Note: In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981(1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my





Z-ProMiles Takaful

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Z-ProMiles Takaful. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat kontrak sijil induk.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku sebarang kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga semasa Orang Yang Dilindungi yang layak menggunakan Lebuhraya PLUS.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** Suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** Kontrak perwakilan di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.
- **Tabarru':** Ia adalah caruman daripada peserta kepada Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.
- **Hibah:** Adalah hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga boleh diguna pakai dalam transaksi lain seperti perkongsian lebihan, di mana manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berasaskan Hibah Bersyarat.
- **Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA) pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA).

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Manfaat	Keterangan Manfaat	Pelan Mingguan (RM)	Pelan Bulanan (RM)
A	Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	20,000	30,000
B	Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan (maksimum sehingga 30 hari)	50 sehari	50 sehari
C	Manfaat Kesulitan	100	100
D	Elaun Penginapan Hotel	300	300
E	Elaun Gantian Kereta (maksimum sehingga 5 hari)	100 sehari	100 sehari
	Tempoh Perlindungan	7 hari	1 bulan

Nota:

- Sila rujuk kepada kontrak sijil induk untuk keterangan penuh atas manfaat, terma dan syarat yang terdapat dalam produk ini.
- Tempoh perlindungan adalah seperti di atas. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan takaful anda selepas tamat tempoh.
- Hanya satu (1) tuntutan Manfaat Kesulitan dibenarkan sepanjang Tempoh Perlindungan.
- Berhubung dengan kejadian dilindungi yang sama dalam perjalanan, anda hanya boleh membuat tuntutan sama ada daripada Manfaat D atau E, tetapi bukan kedua-duanya.

4. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Jumlah caruman yang perlu anda buat bergantung kepada pelan yang telah anda pilih seperti berikut:

Pelan	Pelan Mingguan (RM)	Pelan Bulanan (RM)
Caruman	2.50 setiap minggu	9.20 setiap bulan

Nota: Caruman di atas tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Jenis	Jumlah
• Yuran Wakalah	43.5% daripada caruman
• Duti Setem	• Komisen – 25% daripada caruman
• *Cukai	• Perbelanjaan Pengurusan – 18.5% daripada caruman
	• RM 10.00 atas sijil induk
	• 6% daripada caruman

* Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan sijil kemalangan peribadi yang anda sertai daripada pengendali takaful lain.
- **Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang

dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Kontrak Takaful Bukan Pengguna** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** – Sebagai syarat khas asas dan mutlak kontrak takaful ini, caruman yang perlu dibuat untuk Sijil Takaful mestilah dibuat dan diterima oleh pihak kami sebelum perlindungan takaful berkuat kuasa.
- **Prosedur Tuntutan** - Anda perlu memberikan notis bertulis kepada kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlaku kejadian, kecuali Manfaat C, yang sepatutnya dalam tempoh lima (5) hari selepas kejadian berlaku.
- **Kelayakan:**
 - Orang Yang Dilindungi mestilah warga Malaysia atau bukan warga Malaysia yang mempunyai permit kerja, permit pelajar, permit masuk yang sah, status pemastautin tetap atau status MM2H.
 - Anda mesti mendaftar dengan satu kad individu Touch 'n Go dan/atau nombor tag e-Dompet atau Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) semasa pendaftaran takaful ini.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil induk untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

7. Apakah pengecualian utama di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi tuntutan yang disebabkan oleh kejadian yang berikut:

- Peperangan, Perang Saudara
- Keadaan Sedia Ada
- Bunuh Diri sama ada dalam keadaan siaman atau tidak siaman
- Pembunuhan atau serangan Disebabkan Provokasi
- Sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki
- Radiasi, Nuklear
- Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil induk untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Pembatalan tidak dibenarkan setelah Sijil Takaful dikeluarkan.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran maklumat/peribadi termasuk penamaan dan maklumat diri yang akan mempengaruhi profil risiko. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di callcentre@zurich.com.my.

10. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan produk ini, sila rujuk kepada risalah maklumat takaful yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3,

No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,

59200 Kuala Lumpur,

Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: callcentre@zurich.com.my

11. Jenis perlindungan Kemalangan Diri Takaful lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada ejen/ perunding anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGETAHUI SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM SIJIL INDUK TAKAFUL ANDA. ANDA BOLEH MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU BERKENAAN SIJIL INDUK KEMALANGAN DIRI YANG ANDA SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INDUK TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan produk ini sah mulai 24 Ogos 2022 sehingga ulang kaji dikeluarkan.

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



ZURICH[®]
Takaful

Z-ProMiles TAKAFUL/PS/ZUZ2063U